

PERATURAN PEMBAYARAN YURAN PELAJAR

TARIKH AKHIR PEMBAYARAN YURAN SEMESTER 1 2019/2020

Assalamualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera

Kepada semua pelajar,

2. Adalah dimaklumkan, semua pelajar dikehendaki untuk menyelesaikan semua yuran Semester 1 2019/2020 dan yuran tertunggak sebelum cuti pertengahan semester iaitu **sebelum 10.11.2019 bagi mengelakkan sekatan dikenakan**. Berikut adalah kesan tindakan sekatan :-

- i. Tidak Dibenarkan Untuk Menduduki Peperiksaan Akhir Semester 1 2019/2020
- ii. Tidak dibenarkan untuk membuat pendaftaran kursus/subjek
- iii. Keputusan peperiksaan dan transkrip peperiksaan ditahan
- iv. Tidak dibenarkan untuk menghadiri konvokesyen

3. **Tarikh akhir bayaran bagi sekatan dibuka dan membolehkan pelajar menduduki peperiksaan adalah sebelum atau pada 15.12.2019 iaitu 2 minggu sebelum peperiksaan akhir bermula**. Pelajar yang membuat bayaran selepas **15.12.2019** akan dikenakan denda berjumlah RM50/pelajar sepertimana kelulusan Mesyuarat JTK Kali ke 37 bil 3/2018 bertarikh 12/8/2018.

4. Tempoh bayaran yuran Semester 1 2019/2020 adalah ditetapkan seperti berikut :-

- i. **Tempoh bayaran sebelum proses sekatan dibuat : 10.9.19 sehingga 10.11.19**
- ii. **Tempoh bayaran sekatan dibuka tanpa denda : 11.11.19 sehingga 15.12.19**
- iii. **Tempoh bayaran sekatan dibuka dengan denda : 16.12.19 dan seterusnya**

5. Pelajar adalah dimohon membuat bayaran lebih awal dan tidak menunggu saat akhir. Pelajar tidak akan dapat mencetak slip peperiksaan sekiranya masih berhutang.

6. Pelajar dinasihatkan untuk merancang kewangan dengan sebaiknya. Sebagai panduan jadual perancangan bayaran secara ansuran boleh dilaksanakan seperti berikut :-

BIL	BAYARAN ANSURAN	% BAYARAN	TARIKH
1	Ansuran pertama	20% dari yuran	Sebelum 15.9.19
2	Ansuran ke-2	20% dari yuran	Sebelum 31.10.19
3	Ansuran ke-3	20% dari yuran	Sebelum 15.11.19
4	Ansuran ke-4	20% dari yuran	Sebelum 30.11.19
5	Ansuran ke-5	20% dari yuran	Sebelum 15.12.19

Kerjasama dari semua pelajar adalah amat dihargai. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Kewangan Pelajar di talian 09-4245336 / 5337 (prasiswazah) dan 09-5492326 / 2330 (pascasiswazah).

Sekian terima kasih.

Bahagian Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

b/p Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

JADUAL 1

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1	Semester 1 2019/2020 bermula	10.9.19	Pelajar kanan mendaftar
2	Bayaran yuran Semester 1 2019/2020	10.9.19 – 10.11.19	Tempoh bayaran sebelum sekatan dibuat
3	Cuti pertengahan semester	26.10.9 – 3.11.19	1 minggu
4	<u>AMARAN PERTAMA</u> Proses SEKATAN (BARRING) pelajar yang masih berhutang	11.11.19	Seminggu selepas cuti pertengahan semester
5	<u>AMARAN AKHIR</u> Tempoh akhir untuk jelaskan hutang bagi membolehkan sekatan dibuka dan pelajar boleh menduduki peperiksaan i. Tanpa Denda ii. Berdenda	11.11.19-15.12.19 16.12.19 dan seterusnya	Sehingga 2 minggu sebelum Peperiksaan Akhir bermula
6	Peperiksaan Akhir Semester 1 2019/2020 bermula	2.1.2020	